



KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (9)

Tarikh: 22 September 2024 / 18 Rabi'ulawal 1446H

LEBIH 62 RIBU KANAK-KANAK TABIKA KEMAS IKUTI PROGRAM PRA TAHFIZ

KLUANG, 22 Sept. –Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS akan diperluaskan kepada 4,145 kelas TABIKA KEMAS melibatkan seramai 62, 175 kanak kanak pada tahun ini.

Bagi negeri Johor, sebanyak 549 kelas TABIKA KEMAS melibatkan 15,565 kanak-kanak telah melaksanakan Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS daripada 1,161 jumlah keseluruhan kelas TABIKA KEMAS tahun ini.

Manakala, bagi Parlimen Kluang pula sebanyak 22 daripada 42 TABIKA KEMAS telah melaksanakan Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS ini dengan 15 daripadanya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Mahkota.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah berkata pendidikan al-Quran perlu dijadikan teras utama dalam kemenjadian kanak-kanak yang beragama Islam selain daripada kemahiran sedia ada yang diperlukan sebagai persediaan masuk ke Tahun Satu kelak.

“Saya ingin mengajak kita semua berganding bahu dalam merealisasikan agenda ini, demi melahirkan generasi yang cintakan al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka.” tambahnya.

Beliau berkata demikian dalam ucap tama sempena Majlis Pelancaran Program Pra Tahfiz Peringkat KEMAS Negeri Johor yang diadakan di Prime City Hotel, Kluang, Johor di sini hari ini.

Program ini telah dilaksanakan secara rintis di 100 buah TABIKA pada tahun lepas melibatkan 1,500 kanak-kanak.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

***Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
22 September 2024***